



28 Mei 2013
28 May 2013
P.U. (B) 239

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PEMBERITAHUAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PENGECUALIAN KEPADA PEKERJA BADAN BERKANUN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN) 2013

*EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY (EXEMPTION TO
EMPLOYEES OF STATUTORY BODIES AND LOCAL
AUTHORITIES) NOTIFICATION 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

PEMBERITAHUAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PENGECUALIAN KEPADA PEKERJA BADAN BERKANUN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 98 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*], Menteri membuat pemberitahuan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan Keselamatan Sosial Pekerja (Pengecualian kepada Pekerja Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan) 2013**.

(2) Pemberitahuan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2013.

Pengecualian

2. (1) Menteri mengecualikan semua pekerja badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan—

(a) yang telah memilih atau yang disifatkan telah memilih Skim Baru;

(b) yang telah dilantik di bawah Skim Baru; atau

(c) yang, oleh sebab pilihan mereka, adalah terikat oleh Skim Baru,

daripada kuat kuasa Akta.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), pengecualian itu tidak terpakai bagi pekerja badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang diambil kerja sebagai pekerja sementara atau kontrak—

(a) pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Pemberitahuan ini; atau

- (b) sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Pemberitahuan ini dan pekerjaan mereka berterusan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Pemberitahuan ini.
- (3) Dalam perenggan ini, "Skim Baru" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239].

Syarat-syarat pengecualian

3. Pengecualian yang diberikan di bawah perenggan 2 tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) Pertubuhan hendaklah terus memberikan faedah keselamatan sosial di bawah Akta kepada pekerja yang dikecualikan di bawah subperenggan 2(1) atau orang tanggungan mereka yang, sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Pemberitahun ini, telah menerima faedah itu;
- (b) Pertubuhan hendaklah terus memberikan perlindungan kepada pekerja yang dikecualikan di bawah subperenggan 2(1) yang telah memenuhi syarat kelayakan bagi faedah ilat di bawah Akta sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Pemberitahun ini; dan
- (c) caruman yang telah dibayar oleh badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau pekerja yang dikecualikan di bawah subperenggan 2(1) tidak boleh dipulangkan balik.

Pekerja sementara atau kontrak yang diambil kerja sebagai pekerja tetap

4. Mana-mana pekerja sementara atau kontrak badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan yang disebut dalam subperenggan 2(2) yang kemudiannya diambil kerja sebagai pekerja tetap di bawah Skim Baru tidak boleh dilucutkan apa-apa faedah yang baginya dia berhak di bawah Akta tertakluk kepada kelayakan caruman.